



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KESAN NASIONALISME TERHADAP PERKEMBANGAN NEGARA DAN MASYARAKAT

UHS1022 -77

FALSAFAH DAN ISU SEMASA

Kumpulan 2

Lecturer: Dr. Mohd Farhan Md Ariffin

NAMA AHLI KUMPULAN:

Tee Ng Zikang

Tay Wei Jian

Tham Chuan Yew

Lai Yee Jen

Ang Wan Xin

PENGENALAN

Ideologi nasionalisme diperkenalkan oleh Hans Kohn pada tahun 1944 untuk menunjukkan konsep autonomi politik secara nasional dan menentukan nasib sendiri sejak dari abad ke-18. Nasionalis telah menggunakan ideologi nasionalisme untuk mempertahankan identiti negara. Sebagai contoh, Revolusi Perancis yang berlaku pada tahun 1789 telah membangkitkan ideologi nasionalisme di negara-negara Eropah. Ideologi nasionalisme dalam aspek politik menjadi terserlah pada abad ke-19 dengan penaklukan Napoleon terhadap Jerman dan Itali menyebabkan pengamalan perpaduan nasional diperlukan. Masyarakat menyedarkan bahawa perpaduan nasional adalah penting untuk mempertahankan negara daripada anasir luar terhadap negara sendiri. Konsep ini telah membantu cancellor Prusia, Otto von Bismarck untuk membebaskan negara Jerman daripada penaklukan Napoleon. Ideologi nasionalisme dalam aspek politik juga diamalkan oleh British dan banyak negara Eropah seperti Perancis, Yunani, Itali dan Serbia. Ideologi nasionalisme merupakan salah satu kuasa politik dan sosial yang sangat signifikan dan efektif pada abad-19. Walaubagaimanapun, ideologi nasionalisme kurang dipentingkan sejak abad-20. Hal ini kerana kebanyakan liberal menyatakan bahawa ideologi nasionalisme adalah faktor pencetus Pererangan Dunia, pembentukan sikap assobiah dan xenophobia pada zaman sekarang. Kebanyakan liberal menyatakan bahawa ideologi nasionalisme tidak dapat mendatangkan faedah kepada masyarakat. Walaubagaimanapun, ideologi nasionalisme masih merupakan satu cara untuk memupuk perpaduan pada zaman ini. Sebagai contoh, nasionalisme dapat ditunjukkan melalui sukan dengan membina semangat perpaduan dan muhibah antara rakyat Nigeria. Nasionalisme juga dapat dilihat daripada pilihan raya di Amerika Syarikat yang dimenangi oleh nasionalis, Donald Trump dan dasar nasionalis yang diperkenalkan oleh pemimpin Jepun, Shinzō Abe. Oleh itu, ideologi nasionalisme masih dikekalkan pada zaman moden dan telah menyumbang dalam memupuk semangat perpaduan dan muhibah dalam negara terutamanya negara yang terdiri daripada berbilang kaum.

KONSEP/ DEFINISI

- Terbitan daripada perkataan 'nation' yang bermaksud rakyat atau residen dalam satu negara atau masyarakat yang mempunyai sejarah, undang-undang, bahasa, hak politik, agama dan tradisi yang sama
- Penggunaan perkataan 'nation' juga tidak terhad kepada masyarakat yang mempunyai warisan dan etnik yang sama, tetapi juga boleh digunakan untuk masyarakat yang terdiri daripada berbilang etnik tetapi bersama hidup di suatu kawasan geografi yang sama dan mempunyai struktur pimpinan yang nyata
- Nasionalisme adalah digunakan untuk menghuraikan ciri autonomi politik dalam bentuk nasional
- Nasionalisme boleh dikaitkan kepada politik, sosial dan struktur ekonomi dengan menyokong kepentingan sesuatu negara dengan tujuan untuk memperoleh dan mempertahankan pemerintahan dan kedaulatan negara sendiri
- Nasionalisme adalah salah satu ideologi yang membentuk dan mempertahankan identiti, perpaduan dan autonomi negara
- Nasionalisme juga dikritik sebagai ideologi yang negatif kerana ia dikaitkan kepada punca berlakunya Peperangan Dunia
- Nasionalisme juga dikait rapat kepada punca semangat perkauman dan xenofobia dalam dunia moden

TEORI

- Menurut **Hans Kohn**, teori nasionalisme merupakan suatu faham yang berpendapat bahawa kesetiaan tertinggi seseorang harus diserahkan kepada negara. Sebuah perasaan yang mendalam terhadap suatu ikatan yang erat dengan tanah kelahirannya. Perasaan tersebut merupakan sikap patriotisme, jiwa seseorang yang mencintai atau membela tanah air, seorang pejuang sejati dan suatu kerelaan untuk mengorbankan segala jiwa dan hartanya (Lestari, 2007: 56).
- Menurut **Gellner**, nasionalisme merupakan satu prinsip politik yang menyatakan bahawa unit politik dan nasional perlulah kongruen.
- Menurut **Kosterman & Feshbach**, nasionalisme merupakan satu ideologi yang mempunyai perspektif terhadap keunggulan nasional dan bersifat kepada penguasaan negara.
- Menurut **Brubaker**, nasionalisme adalah satu tuntutan terhadap kesetiaan, perhatian dan solidariti rakyat untuk mengubah perspektif mereka terhadap diri sendiri demi menyemai kesetiaan, mengumpul tenaga dan usaha serta menyatakan permintaan. Selain itu, nasionalisme juga merupakan percampuran ungkapan dan amalan yang berorientasi bangsa serta berkemungkinan dikekalkan secara berterusan dalam budaya moden dan politik.

ISU NASIONALISME

- **Rusuhan Capitol (Amerika Syarikat)**

<https://www.bharian.com.my/dunia/amerika/2021/01/773669/rusuhan-capitol-detik-paling-hitam-sejarah>

- **Peristiwa 13 Mei 1969**

- **Penghinaan Lagu Indonesia Raya (Indonesia)**

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/769569/malaysia-kutuk-keras-video-ubah-suai-lirik-lagu-indonesia-raya>

- **Penghinaan Agong**

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/03/661828/seorang-lagi-lelaki-ditahan-hina-agong>

- **Penghinaan Sultan**

➤ Seorang pelajar tingkatan enam didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini selepas mengaku bersalah mengeluarkan kenyataan menghina Sultan Perak dalam laman sosial, enam hari lalu.

➤ Selebriti Patrick Teoh ditahan atas tuduhan menghina Putera Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/10/339342/hina-sultan-remaja-didenda>

<https://www.projekmm.com/news/berita/2020/05/10/pelakon-patrick-teoh-ditahan-atas-tuduhan-hina-tmj/1864783>

- **Isu 1MDB**

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/09/731299/bicara-1mdb-syarikat-untuk-bantu-umno>



Mini Kajian

Soalan	Peratus responden yang menyatakan 'Ya'
Adakah anda memahami nasionalisme?	91.1%
Pada pendapat anda, adakah keruntuhan nasionalisme berlaku di seluruh dunia?	92.9%
Adakah isu keruntuhan nasionalisme juga berlaku di negara Malaysia?	94.6%
Pada pendapat anda, adakah nasionalisme dapat memberikan lebih banyak impak kepada negara berbanding dengan globalisasi?	76.8%

Faktor	Peratus responden yang bersetuju	
	Merupakan faktor	Merupakan faktor utama
Budaya hedonisme	89.3%	23.2%
Globalisasi/Modenisasi	83.9%	35.7%
Tahap kesedaran yang rendah	92.9%	39.3%
Tidak menghayati sejarah	1.8%	1.8%

Kesan Keruntuhan Nasionalisme	Peratus responden yang bersetuju	
	Merupakan kesan	Merupakan kesan utama
Kestabilan politik negara terjejas	91.1%	50.0%
Ekonomi negara terjejas	66.1%	3.6%
Kehidupan masyarakat terjejas	85.7%	37.5%
Peningkatan isu sosial	82.1%	8.9%
Budaya luar mudah menyerang rakyat negara	1.8%	0%

Inisiatif untuk Menangani Isu Keruntuhan Nasionalisme	Peratus responden yang bersetuju	
	Merupakan inisiatif	Merupakan inisiatif yang paling efektif
Kempen kesedaran	80.4%	30.4%
Program Nasionalisme (cth: PLKN)	82.1%	19.6%
Menerusi pendidikan	92.9%	39.3%
Menerusi undang-undang	76.8%	10.7%
Tidak meletakkan gred pada subjek Sejarah	1.8%	0%

Implikasi	Peratus responden yang bersetuju	
	Merupakan implikasi	Merupakan implikasi utama
Kestabilan politik	91.9%	35.7%
Mengekangkan penjajahan kuasa asing	80.4%	10.7%
Keamanan dan kesejahteraan negara	92.9%	42.9%
Kualiti hidup meningkat	85.7%	7.1%
Perkembangan ekonomi negara	66.1%	3.6%
Dapat meningkatkan persaingan dengan negara asing	1.8%	0%

IMPLIKASI

Positif

Perkembangan Negara

- ❖ Mengekalkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara
 - masyarakat hidup dalam keadaan harmoni dan tiada kesengsaraan berlaku. Sosial yang sihat menyebabkan politik stabil dan seterusnya menggalakkan perkembangan ekonomi.
- ❖ Kemasukan pelaburan asing
 - kestabilan politik dan ekonomi negara akan membawa masuk pelabur asing datang melabur
- ❖ Daya saing negara dimajukan dan dipertingkatkan
 - negara yang mempunyai kestabilan politik dan ekonomi dapat meningkatkan daya saing negara

Masyarakat

- ❖ Hidup dalam kesejahteraan dan harmoni
 - masyarakat sentiasa saling hormat-menghormati antara satu sama lain
- ❖ Perpaduan kaum dicapai
 - tiada konflik akan berlaku dalam kalangan masyarakat
- ❖ Sistem persekolahan yang diguna pakai oleh semua masyarakat
 - mempunyai suku pelajaran yang sama yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris

Negatif

Perkembangan Negara

- ❑ Imej dan maruah negara tercalah
 - rakyat negara tidak perpaduan dan tidak taat kepada negara
- ❑ Ekonomi negara merosot
 - ekonomi merosot kerana tiada pelabur asing datang melabur disebabkan kehilangan kepercayaan
- ❑ Ketidakstabilan politik
 - keadaan yang huru-hara dan sentiasa berlaku jenayah menyebabkan politik menjadi tidak stabil
- ❑ Kedaulatan dan pertahanan negara menjadi lemah
 - rakyat tidak menyayangi negara dan mungkin membocorkan rahsia negara kepada negara lain

Masyarakat

- ❑ Hidup dalam keadaan huru-hara
 - masyarakat mudah berlaku konflik akibat tidak menjaga perasaan orang lain
- ❑ Peningkatan gejala sosial
 - jenayah akan sering berlaku akibat tidak mempunyai nasionalisme
- ❑ Perpecahan kaum
 - masyarakat yang mementingkan diri sendiri

CABARAN

Kepelbagaian kaum

- Lebih sukar untuk membentuk satu bangsa yang dapat diamal oleh semua kaum dan kesetiaan yang kukuh

Kurang penghayatan kepada sejarah negara dalam kalangan generasi muda

- Pembentukan semangat patriotisme dan nasionalisme dipengaruhi oleh faktor sekeliling
- Terdapat perbezaan semangat nasionalisme dan patriotisme yang disemai dalam kalangan rakyat mengikut generasi

Golongan yang mempunyai kerakyatan negara lain

- Golongan tersebut bersedia untuk melarikan diri dari negara asal dan hidup di negara lain sekiranya negara asal atau sendiri menghadapi sebarang masalah

Cabaran globalisasi

- Globalisasi mempengaruhi pemikiran golongan rakyat terutamanya golongan muda menyebabkan kalangan mereka kurang penghayatan terhadap kepentingan semangat nasionalisme dan patriotisme

PERBEZAAN/ PERBANDINGAN

Nasionalisme Sebelum Kemerdekaan	Nasionalisme Selepas Kemerdekaan
Nasionalisme sebelum kemerdekaan dijalankan untuk menentang penjajahan kuasa asing.	Nasionalisme selepas kemerdekaan dilakukan untuk mengekalkan kemerdekaan serta membangunkan negara Malaysia
Nasionalisme sebelum kemerdekaan telah menyatupadukan pelbagai bangsa untuk memerdekakan Malaysia. 	Nasionalisme selepas kemerdekaan telah menyatupadukan pelbagai bangsa untuk mengharumkan nama di persada dunia 
Gerakan nasionalisme sebelum kemerdekaan diterajui oleh pemimpin parti-parti politik.	Nasionalisme selepas kemerdekaan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama, darjat atau umur
Nasionalisme sebelum kemerdekaan berjaya membebaskan Malaysia daripada cengkaman kuasa asing	Nasionalisme selepas kemerdekaan berjaya memelihara keamanan serta mengharumkan nama Malaysia

RUJUKAN

- R. Hoefte & W. Veenendaal (2019). The Challenges of Nation-Building and Nation Branding in Multi-Ethnic Suriname, *Nationalism and Ethnic Politics*, 25:2, 173-190
- F. Bieber (2018). Is Nationalism on the Rise? Assessing Global Trends. *Ethnopolitics*. 17. 1-22
- Bandu, Sitti & Ahmad, Abdul & Mahzan, Mohd. (2015). Patriotism: Issues and Challenges in Malaysia
- Aryal, D. (2018). Nationalism: Issues and Concerns. *Journal of APF Command and Staff College*, 1(1), 50-55
- Ogbujah, Columbus. (2019). Nationalism, Populism and the Challenge to the Ethics of Universalism. *Dialogue and Universalism*. 29. 67-83
- Fuadi, Fuadi & Anwar, Anwar. (2018). Nationalism and the Challenge of Globalization for the Young Generation in Aceh and Riau. *Budapest International Research and Critics Institute (BIRCI-Journal) : Humanities and Social Sciences*. 1. 151-160
- B. Bonikowski (2016). Nationalism in Settled Times. *Annual Review of Sociology*. 42
- Ivan Prapanca Wardhana & Siti Samsiyah (2019). Content Analysis of High School History Textbook From Hans Kohn's Nationalism Perspective. 69-71
- Unknown (2015). Artikel Semangat Nasionalisme dan Kepentingan Kajian.
- Unknown (2017). Kesan Masyarakat Malaysia Mempunyai Nasionalisme. 7-14



RUMUSAN

- Sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah sedar akan tanggungjawab kita dalam mempraktikkan nasionalisme bagi memelihara kemakmuran Malaysia. Kegemilangan Malaysia kini merupakan titik usaha para pemimpin dahulu. Oleh itu, kita haruslah berasa bangga untuk menjadi anak Malaysia. Marilah kita menyemarakkan semangat nasionalisme supaya negara Malaysia sentiasa megah berdiri di pentas antarabangsa.

#kitajagakita #stayathome #XP